


SOALAN 1**[10 MARKAH]**

- a) Wakilkan integer pada garis nombor.
-2, 4, -6

[3 markah]

Jawapan :



- b) Bulatkan semua integer daripada senarai di bawah.

[4 markah]

Jawapan :

-9	0	-5.6	$3\frac{1}{2}$	2.3
$\frac{5}{8}$	-9.8	-23	15	$-3\frac{5}{8}$

- c) Sebuah lif bergerak daripada tingkat 6 ke tingkat 16. Kemudian, lif itu bergerak lagi 4 tingkat ke atas. Berapakah tingkat yang perlu diturunkan oleh lif tersebut untuk sampai ke tingkat 2?
[3 markah]

Jawapan : _____

SOALAN 2**[10 MARKAH]**

- a) Tentukan sama ada NOMBOR berikut ialah **Faktor** atau **Bukan Faktor** bagi **84**

Jawapan : [3 markah]

(i) 12 = _____

(ii) 15 = _____

(iii) 28 = _____

- b) i. **Bulatkan** semua **FAKTOR** bagi 12 [1 markah]

Jawapan :

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----	----	----

- ii. Tentukan **Faktor Sepunya Terbesar** bagi **36 dan 60** [3 markah]

Jawapan : _____

- c) Cari **Gandaan Sepunya Terkecil** (GSTK) bagi **9, 15 dan 30** [3markah]

Jawapan : _____

SOALAN 3**[10 MARKAH]**

a) Cari nilai bagi yang berikut :

[2 markah]

Jawapan :

(i) $6^3 = \dots\dots\dots$

(ii) $\left(\frac{2}{7}\right)^2 = \dots\dots\dots$

b) i. Cari nilai bagi setiap yang berikut.

$\sqrt{49} + (3^2 - 4^3)$

[2 markah]

Jawapan : _____

ii. $\sqrt[3]{27} - 1.5^2 + 5^3$

[2 markah]

Jawapan : _____

c) Lengkapkan langkah-langkah operasi di bawah dengan mengisi petak kosong dengan nombor yang sesuai. [4 markah]

Jawapan :

$$\left(\sqrt{2\frac{7}{9}} + \sqrt[3]{\frac{8}{27}}\right)^2 = \left(\sqrt{\frac{\square}{9}} + \frac{2}{\square}\right)^2$$

$$= \left(\frac{\square}{3}\right)^2$$

$$= \square$$

SOALAN 4**[10 MARKAH]**a) Padankan pasangan **Nisbah Setara** yang berikut :

[3 markah]

Jawapan :

6 : 9

1 : 15

6 : 90

3 : 20

9 : 60

2 : 3

b) Diberi nisbah $p : q : r = 7 : 3 : 5$ dan nilai $p - q = 12$.i. Cari nilai bagi r

[2 markah]

Jawapan : _____

ii. Cari jumlah nilai $p + q$

[2 markah]

Jawapan : _____

c) **Goh , Chia dan Liew** berkongsi wang membeli hadiah hari jadi cikgu mereka mengikut nisbah $4 : 3 : 5$. Jumlah wang Liew ialah **RM 20**.Kira jumlah wang yang diberi oleh **Goh dan Chia**

[3 markah]

Jawapan : _____

SOALAN 5**[10 MARKAH]**

- a) Kenal pasti **Sebutan Algebra** dalam ungkapan algebra yang berikut : [3 markah]

Jawapan :

(i) $x + 7x$ = _____

(ii) $pq + 2p - 13$ = _____

(iii) $\frac{x}{8} + 7y$ = _____

- b) Diberi $x = 5$, $y = 2$ dan $z = -4$. Cari **nilai** bagi setiap ungkapan yang berikut :

- i. $xy + 3x - 4z + 8$ [2 markah]

Jawapan : _____

- ii. $\frac{z}{2} + 7(x - y) - 3$ [2 markah]

Jawapan : _____

- c) Permudahkan : $(3x + 5y) - (8x - y - 9)$ [3 markah]

Jawapan : _____

SOALAN 6

[10 MARKAH]

- a) Tentukan sama ada persamaan yang berikut ialah **Persamaan Linear Dalam Satu Pemboleh ubah (/)** atau **Bukan Persamaan Linear Satu Pemboleh Ubah (X)**.

Jawapan :

$3x + 2 = 5$	
$p - 4q = 6$	
$y^2 + 3y = 1$	

- b) Selesaikan persamaan linear yang berikut :
Beri dua pasangan penyelesaian yang mungkin bagi persamaan berikut :

i. $y = 1 - 2x$ [2 markah]

Jawapan : _____ dan _____

ii. $3x - y = 9$ [2 markah]

Jawapan : _____ dan _____

- c) Selesaikan persamaan linear serentak yang berikut :

$2x + 5y = 14$ dan $3x - 4y = 7$ [3 markah]

Jawapan : _____

SOALAN 7

[10 MARKAH]

- a) Isikan tempat kosong dengan menggunakan simbol-simbol Lebih Besar Daripada ($>$) atau Kurang Daripada ($<$) [3 markah]

I)	$10 + 3$		$15 + 3$
II)	$- 6$		$- 9$
III)	4.525		4.552

- b) i) Tulis sifat transitif bagi ketaksamaan linear : [1 markah]
 $- 6 > - 9 > - 12$

Jawapan : _____

- ii) Selesaikan setiap ketaksamaan yang berikut : (Tunjukkan jalan pengiraan yang teratur) [2 markah]
 $7 - 4x > 15$

Jawapan : _____

- c) Selesaikan masalah ketaksamaan linear yang berikut : [4 markah]
 $2x + 5 < 11$ dan $3x - 10 < 5$

Jawapan : _____

SOALAN 8

[10 MARKAH]

a) Padankan yang berikut dengan pasangan yang betul.


[3 markah]

Jawapan :

Sudut Garis Lurus	●	360°
Sudut Refleks	●	180°
Sudut Putaran Lengkap	●	270°

b) i. AB dan CD adalah garis lurus. Cari nilai sudut x dan y yang berikut.


[2 markah]



Jawapan : _____


ii. AB dan PQ ialah garis selari. Cari nilai sudut a dan b yang berikut.

[2 markah]



Jawapan : _____

c)



Dalam rajah di atas, POS, QOT dan ROU ialah garis lurus. Cari nilai x .

Jawapan : _____

SOALAN 9

[10 MARKAH]

a) Padankan pasangan POLIGON berikut dengan bilangan SISI yang BETUL. :

[3 markah]


Jawapan :

Heksagon	●
Pentagon	●
Heptagon	●

●	7 bilangan sisi
●	6 bilangan sisi
●	5 bilangan sisi


b) i. Cari nilai x bagi setiap rajah yang berikut :

[2 markah]




Jawapan : _____

- ii. PQRS ialah sebuah poligon. Diberi PST ialah garis lurus. Cari nilai y bagi rajah yang berikut :
[2 markah]



Jawapan : _____

c)



Dalam rajah di atas, QRTU ialah segi empat selari dan PQRS ialah garis lurus.
Cari nilai x dan y .

[3 markah]

Jawapan : _____

SOALAN 10

[10 MARKAH]


a) Nyatakan sama ada setiap pernyataan yang berikut adalah **BENAR** atau **PALSU**. [3 markah]

Jawapan :

Penyataan	Jawapan
60° ialah sudut pelengkap bagi 30°	
290° ialah sudut konjugat bagi 60°	
125° ialah sudut penggenap bagi 45°	

b)

i.




Cari **perimeter** rajah di atas.

[2 markah]

Jawapan: _____

ii.



Cari **luas segi tiga** di atas.

[2 markah]


Jawapan : _____

c)

Dalam rajah di sebelah, QRU ialah segi tiga sama, PQUV dan RSTU ialah segi empat sama. Diberi Luas PQUV ialah 36cm^2 .

a) Cari **perimeter** seluruh rajah.

b) Cari **luas segi tiga** QRU.



Jawapan : _____